



MAJLIS PELANCARAN PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA BASMI DENGGI SEMPENA KARNIVAL KOMUNITI KPKT 2019



YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah melancarkan Program Gotong-Royong Perdana Basmi Denggi sempena Karnival Komuniti KPKT 2019 di Taman Kosas Ampang.

Gotong-royong ini diadakan bagi memenuhi tanggungjawab KPKT dalam mencapai matlamat Dasar Komuniti Negara untuk mendayakan komuniti di kawasan perumahan khususnya di kawasan berstrata supaya terlibat secara aktif dalam pembangunan holistik komuniti. Gotong royong perdana ini bagi memenuhi kluster 2, Dasar Komuniti Negara iaitu Kebersihan, Alam Sekitar dan Kesihatan.

Selain itu, penganjuran gotong-royong perdana ini dirasakan perlu bagi memerangi denggi yang meruncing di Selangor. Data oleh Bilik Gerakan Denggi Kebangsaan CPRC, Kementerian Kesihatan Malaysia menunjukkan sejumlah 20,278 kes direkodkan bagi tempoh 30 Disember 2019 hingga 25 Mac 2019.

Bagi merealisasikan hasrat tersebut, gotong-royong perdana ini diadakan secara serentak di lapan lokasi lain iaitu:

1. Pangsapuri Ampang Mewah, Ampang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Ampang Jaya;
2. Apartment Medan Cahaya – dengan kerjasama Majlis Bandaraya Petaling Jaya;
3. Padang Balai Masyarakat JKP Zon 8, Kg Tengah, Batu 13, Puchong – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Subang Jaya;
4. Flat Taman Kem, Pelabuhan Klang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Klang;
5. Desa Vista, Bandar Baru Salak Tinggi, Sepang – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Sepang;
6. Medan Selera Taman Pinggiran Batu Caves – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Selayang;
7. Seksyen 2, Bandar Rinching Semenyih – dengan kerjasama Majlis Perbandaran Kajang; dan
8. Pangsapuri Rimau Perdana, Pangsapuri Rimau Indah & Taman Bukit Kemuning – dengan kerjasama Majlis Bandaraya Shah Alam.

Inisiatif penganjuran gotong-royong ini diharapkan dapat memastikan komuniti penduduk sentiasa menjaga kawasan kediaman sendiri dan kawasan gunasama supaya terhindar daripada menjadi kawasan pembiakan nyamuk dan sama-sama berusaha memastikan kawasan kediaman masing-masing berdaya huni iaitu bersih, sihat, selamat dan aman.

Di Karnival Komuniti KPKT 2019, Taman Kosas Ampang, YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin turut melawat gerai jualan, pameran KPKT dan menyampaikan hadiah kepada pemenang-pemenang pertandingan.



Sumber: Unit Komunikasi Korporat